

UNTUKMU MAHATHIR



2595
HA

Shafie No





UNTUKMU MAHATHIR

Untuk Aziz Anis

Shahar

KK
1/12/95

NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.
30-3, Lorong 6C/91, Taman Shamelin Perkasa,
Cheras. 56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-9826791, 03-9817053. Fax: 9816035

1995

PUSTAKA PERDANA



1013579



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

ISBN 983-9698-00-1

Cetakan pertama: ... November, 1995

© Shafie Nor

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, foto ko-pi, mekanik rakaman atau lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit dan penulis.

Typesetting:
Norijah Shahram

Penerbit:
NUSANTARA PUBLISHING SDN. BHD.
30-3, Lorong 6C/91, Taman Shamelin Perkasa, Cheras.
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-9826791, 03-9817053. Fax: 9816035

Pencetak:
THE COMMERCIAL PRESS SDN. BHD.
No. 6, Jalan SR 4/18, Serdang Raya,
43300 Seri Kembangan, Selangor D.E.
Tel: 9483519

RM10.50



923.2595



● **BUKTI** keunggulan kepemimpinan Dr Mahathir ialah keputusan Pilihanraya Umum April 1995 yang lalu yang berupa satu kemenangan peribadi Dr Mahathir, satu kemenangan untuk dasarnya, wawasannya dan idea-ideanya membawa pembaharuan yang begitu berani dan gigih dalam masyarakat.



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PRAKATA

SAYA memutuskan menulis buku ini khusus mengenai Perdana Menteri merangkap Presiden UMNO ialah kerana ingin mengungkapkan kekaguman saya tidak sahaja sebagai wartawan tetapi sebagai seorang bangsa Melayu terhadap keunggulannya sebagai pemimpin parti dan negara.

Saya telah berkhidmat sebagai wartawan dari sejak awal tahun 60-an mula-mula sebagai pemberita sambilan akhbar Berita Harian waktu akhbar itu berpejabat di Pudu Road kemudian bekerja sebagai wartawan akhbar Watan bersama Haji Subky Latif hingga hari ini.

Selama menjadi wartawan saya berkenalan rapat dengan pemimpin-pemimpin negara termasuklah Almarhum Tunku Abdul Rahman, Almarhum Tun Razak, Allahyarham Tun Hussein Onn dan sekarang dengan Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kebanyakan peristiwa yang saya catatkan dalam buku ini telah saya lalui sendiri dan saya laporkan sebagai wartawan.

Tanggapan saya terhadap tiap perkembangan dan isu yang saya catatkan dalam buku ini ialah tanggapan dan tafsiran saya sendiri sebagai pemerhati dan adakalanya sebagai seorang yang terbabit secara langsung dalam peristiwa itu.



Kalau ada sesuatu yang janggal maka saya adalah bertanggungjawab atas kekurang-kekurangan itu.

Dalam menulis buku ini saya tentulah menggunakan sumber-sumber tertentu untuk rujukan saya seperti buku-buku mengenai UMNO yang pernah ditulis oleh pemerhati-pemerhati lain. Sehubungan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada guru saya, Tan Sri (Dr) Haji A. Samad Ismail yang telah banyak memberikan nasihat dan pendapatnya terhadap usaha saya menulis buku ini.

Buku ini saya maksudkan sebagai merakamkan penghargaan saya sebagai ahli parti dan sebagai wartawan terhadap kepemimpinan Dr. Mahathir menerajui negara dan parti.

Saya merasa bangga sebagai seorang warga negara dan sebagai Bumiputera, saya amat berhutang budi kepada keunggulan dan kecemerlangan kepimpinan beliau maka kita sekalian sekarang menikmati kehidupan yang aman sejahtera dalam negara yang prestasinya di bidang politik, ekonomi, budaya dan sosial amat mengkagumi dunia.

Mudah-mudahan Allah s.w.t. melanjutkan usia beliau dan merahmati serta melindunginya agar dapat menerajui rakyat dan negara hidup makmur, aman dan bersatu padu.

— Shafie Nor
(18 November 1995)

KATA PENDAHULUAN

BUKU ini oleh Sdr Shafie Nor adalah khusus mengenai Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir bin Mohamad. Sdr Shafie tidak berpura-pura mengungkapkan kekagumannya terhadap keunggulan Dr Mahathir sebagai pemimpin parti dan negara. Tetapi siapakah di antara kita yang sanggup menolak hakikat ini?

Saya sendiri menganggap Dr Mahathir sebagai pemimpin yang wajar kita kagumi. Beliau melambangkan dan mengungkapkan aspirasi, cita-cita dan harapan satu generasi rakyat berbilang kaum negara ini untuk menonjolkan dirinya di atas pentas dunia.

Tiap kita bercita-cita menjadi sebuah negara maju mengambil tempat kita yang hak sebagai suatu bangsa yang dihormati oleh masyarakat antarabangsa. Dr Mahathir telah memperjuangkan cita-cita dan hasrat kita itu dan berjaya memenuhi cita-cita kita untuk menjadi sebuah negara yang disegani oleh sahabat dan lawan, yang makmur, progresif dan aman damai.

Walaupun negara kita kecil namun pengaruh dan kewibawaan kita dirasakan oleh negara-negara membangun dan negara-negara maju. Pencapaian ini dimungkinkan oleh kepemimpinan Dr Mahathir.



Dalam perkembangan sejarah tiap bangsa, biasanya muncul seorang pemimpin yang kerana ketabahannya, pemikirannya dan wawasannya, mampu mengatasi tiap kelemahan dan kekurangan bangsa dan negaranya, untuk memimpin mereka mencapai kemajuan dan kejayaan yang luar biasa.

Dr Mahathir menghadapi segala kekurangan, rintangan dan kelemahan yang di hadapi oleh tiap negara membangun. Tetapi beliau telah berjaya mengatasi kekurangan dan rintangan itu hasil dari pemikirannya, ketabahannya dan kegigihannya serta kecemerlangan daya kepemimpinannya untuk membawa negara dan bangsanya ke arah suatu era baharu.

Buku Shafie Nor ini hakikatnya merakamkan juga rasa penghargaan kita yang tinggi terhadap Dr Mahathir sebagai satu-satunya pemimpin Malaysia dan dunia yang unggul.

— Tan Sri (Dr) A. Samad Ismail
(Petaling Jaya)

DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD adalah pemimpin yang melalui jalan penuh duri dan ranjau dalam karier politiknya, dari sejak menganggotai UMNO selepas perang hinggalah sekarang.

Dr Mahathir ialah seorang pemimpin yang telah teruji, yang unik kariernya.

Tidak sahaja ia berkemampuan mengatasi ujian malah setelah teruji, ketokohnya sebagai pemimpin makin tertonjol dan kewibawaannya sebagai pejuang semakin mantap.

Penganalisa-penganalisa politik menunjuk kepada satu ciri yang istimewa dari kepimpinan negara ini bila Dr Mahathir dipilih oleh Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai gantinya untuk memimpin negara.

Penganalisa-penganalisa itu menekankan bahawa buat pertama kali seorang Perdana Menteri Malaysia berasal dari rakyat biasa.

Sejak Merdeka tiap Perdana Menteri kita bermula dari Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj membawa kepada Almarhum Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tun Hussein Onn, masing-masing berlatar hidup golongan bangsawan.

Tunku Abdul Rahman adalah seorang putera raja negeri Kedah. Tun Abdul Razak adalah seorang putera dari kalangan bangsawan negeri Pahang, demikian juga Tun Hussein Onn.

Tetapi Dr Mahathir adalah seorang anak guru sekolah dan orang kebanyakan di negeri Kedah. Timbalannya, Tan Sri Dato' Musa Hitam, bukan berasal dari kaum bangsawan melainkan berasal dari orang kebanyakan.

Pemerhati-pemerhati menduga bahawa tentulah corak kepimpinan Dr Mahathir dan Musa akan berbeza dari corak kepimpinan Perdana-perdana Menteri sebelum mereka.

Kepimpinan Dr Mahathir berbeza dari gaya kepimpinan Perdana Menteri sebelumnya. Malahan corak kepimpinan Tunku Abdul Rahman berbeza dari corak kepimpinan Tun Abdul Razak demikian juga corak kepimpinan Tun Hussein Onn dari corak kepimpinan Tun Razak.

Dr Mahathir sendiri sering menyatakan bahawa beliau se-kadar meneruskan dan melanjutkan warisan yang dipusakainya dari pemimpin-pemimpin negara sebelumnya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa dasar-dasar negara tidak berubah.

Walaupun Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, dasar-dasar perjuangan UMNO tetap kekal sepertimana dalam zaman Dato' Onn Jaafar membawalah dalam zaman Tunku Abdul Rahman, Tun Razak dan Tun Hussein Onn.

Tegasnya UMNO tetap tidak berganjak dari lunas-lunas perjuangannya yang asal membela dan menaungi bangsa Melayu dan negara serta tetap mengamalkan sistem demokrasi berparlimen.

Namun satu hal yang lumrah ialah bahawa tiap pemimpin mempunyai caranya sendiri-sendiri atau gaya kepimpinannya sendiri.

Juga tiap pemimpin tentu mempunyai wawasannya sendiri dan gagasannya sendiri terhadap bangsa dan negara.

Dr Mahathir mempunyai wawasannya sendiri terhadap negara.

Dr Mahathir mempunyai wawasan untuk menjadikan negara ini sebuah negara maju, sebuah negara industri tetapi tentunya wawasannya itu diperjuangkannya dan diisi berdasarkan pencapaian negara dan bangsa yang menjadi pusaka kita dari sejak zaman kemerdekaan kita pada tahun 1957 dahulu.

Kita mewarisi *Sistem Demokrasi Berparlimen* yang diwujudkan oleh Tunku Abdul Rahman.

Almarhum Tunku Abdul Rahman ialah pemimpin yang mula-mula sekali meletakkan asas demokrasi di negara kita.

Juga Tunku Abdul Rahman ialah pemimpin negara yang pertama sekali meletakkan gagasan perkongsian kuasa antara bangsa Melayu dengan kaum-kaum bukan Bumiputera di negara ini.

Sumbangan besar pemimpin-pemimpin kita yang lalu ialah komitmen mereka yang gigih mempertahankan pusaka ini selain dari sumbangan mereka mempertahankan dan memperkukuh kestabilan negara kita yang memungkinkan kita sekarang

membangun dengan begitu pesat sekali.

Tanpa kestabilan politik, ekonomi, kebudayaan dan sosial yang kita warisi dari sejak zaman merdeka dahulu tidak mungkin kita dapat membangun seperti sekarang ini.

Tetapi satu ciri yang istimewa dan yang begitu tertonjol dari kepemimpinan Dr Mahathir ialah kemampuannya dan kejayaannya membina negara atas asas-asas pencapaian pemimpin-pemimpin kita yang lalu.

Dalam pada itu Dr Mahathir mempunyai visinya sendiri untuk membangun negara setapak lagi ke hadapan.

Kepimpinan Dr Mahathir ialah kepemimpinan dalam satu era atau satu zaman yang sama sekali berbeza dari era pemimpin-pemimpin negara yang lalu.

Era kepemimpinan Dr Mahathir ialah era pembangunan negara-negara kecil di Asia.

Satu era di mana negara-negara seperti Korea Selatan, Taiwan dan Singapura mencapai pembangunan ekonomi yang setanding dengan pencapaian negara-negara maju di Barat.

Kepimpinan Dr Mahathir juga bertepatan dengan berakhirnya satu zaman di mana kuasa-kuasa Barat di satu pihak dan kuasa-kuasa Soviet di satu pihak, tiba-tiba mengakhiri pemusuhan mereka.

Satu era baru terbuka untuk umat manusia mengejar kemajuan dalam sekitaran yang aman damai.

Bahaya perang nuklear tiba-tiba berakhir.

Umat manusia terhindar dari bahaya peperangan nuklear dan mempunyai harapan serta kesempatan untuk membangun

negara masing-masing.

Walaupun harapan ini kemudiannya meleset dan dunia terus dicengkam oleh berbagai bahaya perang etnik, keburlan dan kelaparan, kemiskinan dan kemelaratan tetapi untuk beberapa negara seperti Malaysia, kita berkesempatan mempergunakan sekitaran yang baru ini, iaitu sekitaran dunia yang lebih selesa untuk membangun negara kita.

Keunggulan kepimpinan Dr Mahathir ialah keberaniannya dan kegigihannya serta pandangannya yang jauh memahami perubahan-perubahan ini untuk mempergunakannya demi kepentingan bangsa dan negara.

Dunia telah berubah, maka kita juga harus berubah kalau kita tidak mahu ketinggalan, kalau kita mahu mencapai kemajuan seperti yang dicapai oleh negara-negara kecil seperti Singapura, Korea Selatan, Hong Kong dan Taiwan.

Tetapi masalah yang dihadapi oleh kepimpinan Dr Mahathir ialah bagaimanakah dapat beliau menyedarkan rakyat kepada peluang-peluang yang terbuka ini untuk membangun negara.

Bagaimanakah mengerahkan dan mengumpulkan potensi yang ada pada kita untuk membangun sebuah negara yang bakal bisa menjadi sebuah negara industri?

Ternyata bahawa kalau sekiranya kita hendak mencapai cita-cita kita maka yang utama sekali harus kita lakukan ialah mengubah pemikiran rakyat dan juga mengubah sistem ekonomi negara kita.

Selama ini negara kita merupakan sebuah negara yang berdasarkan sistem ekonomi pertanian. Maka itu kita perlu mengusahakan agar sistem ini dapat diganti oleh satu sistem

baru yang boleh menjadi asas pembangunan sistem industri.

Keunggulan Dr Mahathir ialah kepekaannya terhadap perubahan-perubahan yang begitu pesat berlaku di dunia khususnya di rantau kita.

Dr Mahathir mengerti dan memahami bahawa kalau sekiranya kita tidak berani mengadakan perubahan dan cekat serta gigih melakukan perubahan-perubahan itu kita akan tetap mundur dan ketinggalan.

Banyak orang barangkali menyedari tentang hakikat ini tetapi sedikit benar yang mengerti akan hakikat ini dan mampu mencetuskan idea dan wawasan serta gagasan yang konkrit dan jelas untuk mencapai perubahan itu.

Letaknya keunggulan Dr Mahathir ialah beliau tidak sahaja merupakan seorang pemimpin yang unggul tetapi seorang pemimpin yang berwawasan mengisi idealismanya dengan dasar-dasar yang pragmatik dan praktikal.

Jika kita melihat kembali kepada keadaan beberapa tahun yang lalu kita dapat mengerti mengapa orang mengatakan bahawa Dr Mahathir ialah seorang pemimpin yang memandang jauh ke hadapan.

Bila Dr Mahathir mula-mula menyarankan agar kita *Memandang ke Timur* ramai sekali orang yang mencemohekannya dan menyalahertikan tujuan saranannya itu.

Ada yang mengatakan bahawa Dr Mahathir hendak mengajar kita supaya meniru tingkah laku dan budaya orang-orang Jepun.

Sedangkan apa yang sebenarnya dimaksudkan oleh Dr Mahathir ialah agar kita mencontohi etika kerja bangsa Jepun kera-

na di situlah letaknya rahsia kemajuan negara Jepun hingga ia dapat menandingi kekuatan ekonomi kuasa-kuasa Barat.

Sebenarnya tidak mudah Dr Mahathir cuba meyakinkan rakyat terhadap idea-ideanya, gagasannya dan visinya untuk negara.

Satu sebabnya ialah rakyat tidak pernah mendengar idea-idea ini di masa lalu.

Idea-idea ini ialah idea-idea yang original yang lahir dari pemikiran seorang pemimpin yang peka dan memandang jauh ke hadapan.

Dr Mahathir melontarkan idea tentang *Malaysia Incorporated*, tentang *privatisation* sambil melancarkan projek-projeknya untuk meletakkan asas-asas ekonomi industri.

Mulanya idea-idea Dr Mahathir tidak begitu disenangi oleh segolongan besar rakyat.

Projeknya untuk pembuatan kereta mulanya mendapat cemuhan oleh setengah-tengah kalangan yang tidak yakin bahawa *Proton Saga* akan mampu bersaing dengan kereta-kereta import yang lain.

Nilai-nilai baru yang cuba ditanam oleh Dr Mahathir kepada rakyat negara ini iaitu nilai-nilai yang boleh membantu kita menghadapi persaingan di atas pentas dunia, pun tidak difahami pada peringkat awal.

Dr Mahathir menganjurkan kepada rakyat supaya menanam nilai-nilai disiplin yang kuat.

Dr Mahathir juga menganjurkan kepada rakyat supaya mengikis apa yang dikatakan sebagai subsidi mentaliti, atau ni-



lai hidup yang bergantung semata-mata kepada pertolongan kerajaan.

Nilai-nilai ini penting kerana rakyat memerlukan satu budaya hidup yang baru kalau sekiranya kita ingin maju seperti bangsa Jepun dan bangsa Korea.

Nilai hidup yang semata-mata bergantung kepada ikhsan kerajaan harus diganti dengan nilai-nilai hidup yang mengutamakan semangat berdiri atas kaki kita sendiri.

Dr Mahathir menganjurkan supaya kita mengubah *mindset* kita. Kita harus berani mencuba mengubah pemikiran kita untuk menghadapi cabaran hidup yang getir dalam dunia yang pesat berubah, usahawan-usahawan kita harus berani menerokai pasaran-pasaran baru di dunia.

Dr Mahathir sendiri mengambil inisiatif menunjuk kepada potensi pasaran-pasaran yang terbuka begitu luas di negara-negara di Amerika Selatan dan di Asia Tengah.

Kalau saya diizinkan menggunakan bahasa Inggeris: Dr Mahathir *is not only a thinker but he is also a doer*. Ia tidak sahaja seorang pemikir tetapi pemikirannya itu dipraktikkannya.

Dr Mahathir tidak sahaja memberi nasihat tetapi beliau sendiri menunjukkan bagaimana nasihatnya itu harus dilaksanakan.

Dr Mahathir membimbing delegasi demi delegasi usahawan negara kita meninjau ke luar negeri untuk menjalin hubungan dagang dan ekonominya dengan negara-negara asing.

Dr Mahathir menjanjikan malah mengkotakan bahawa kerajaan Malaysia tetap memberikan tidak sahaja galakan tetapi sokongan terhadap usahawan kita yang berani menerobos

pasaran-pasaran baru itu.

Dr Mahathir memimpin delegasi-delegasi usahawan kita meninjau ke Kemboja, ke Vietnam dan ke negara China, ke negara-negara Amerika Selatan dan ke Mauritius dan ke negara-negara bekas Eropah Timur.

Dengan lain perkataan Dr Mahathir tidak sahaja menganjurkan supaya para usahawan kita melakukan perubahan *paradigma* tetapi menanam keyakinan pada diri sendiri kepada usahawan-usahawan kita supaya berani mencuba dan menguji kemampuan mereka di atas pentas dunia.

Malaysia dalam era pensejagatan dunia sekarang harus menjadi pelakon atau *player* di atas pentas dunia.

Kalau kita hanya berani bermain di keliling halaman rumah kita sendiri kita tidak akan mencapai apa-apa kemajuan di masa depan.

Dalam pada itu Dr Mahathir berusaha gigih untuk merangsang dan mendorong negara-negara membangun yang lain, iaitu negara-negara Selatan-Selatan supaya berusaha menjalin kerjasama ekonomi dan perdagangan antara satu sama lain agar berusaha meningkatkan pembangunan mereka dengan daya mereka sendiri tanpa banyak bergantung kepada kuasa-kuasa besar dan berdikari untuk menebus kemunduran ekonomi mereka.

Belum pernah berlaku dalam era kepimpinan negara pada masa lalu seorang Perdana Menteri Malaysia memainkan peranan yang begitu aktif dan berkesan di kalangan negara-negara membangun dan negara-negara Selatan-Selatan seperti Dr Mahathir.

Dr Mahathir berusaha agar negara-negara membangun mengukuhkan perpaduan antara sesama mereka, tidak sahaja di bidang politik dan ekonomi, tetapi di bidang-bidang lain seperti pendidikan.

Malaysia menjadi contoh negara-negara membangun yang lain bukan semata-mata kerana kita mencapai prestasi yang begitu gemilang di bidang ekonomi, tetapi lebih penting dari itu ialah *intelektual leadership* atau kepimpinan intelek dan pemikiran Dr Mahathir kepada negara-negara membangun yang lain.

Dr Mahathir tidak berkhotbah kepada mereka tetapi beliau menunjukkan contoh iaitu contoh negaranya sendiri.

Dr Mahathir seolah-olah berkata kepada dunia ketiga dan negara-negara membangun yang lain: “Kami hanya sebuah negara yang kecil tetapi kami mampu mencapai kemajuan begini pesat di bidang politik, ekonomi, budaya dan sosial bukan kerana kestabilan politik dalam negara kami sahaja.

“Tetapi juga kerana Malaysia, Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand merupakan satu kesatuan yang erat yang saling tolong menolong, yang saling kerjasama membangun rantau kami.

“Kalau kami bisa berbuat demikian dan hasilnya begitu menonjol mengapa anda sekalian tidak bisa berbuat seperti kami?”

Dr Mahathir pernah dengan suara yang lantang mengatakan bahawa beliau adalah seorang *Asean nationalist*.

Ini dimaksudkannya sebagai pernyataan satu pendirian bahawa Malaysia telah mencapai kemajuan ekonomi yang

pesat adalah hasil dari kerjasama dan hubungan saling mengerti antara negara-negara di rantau ini.

Rantau ini menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain.

Kerjasama antara Singapura, Johor dan Indonesia untuk membangun ekonomi daerah Riau, Singapura dan Johor disusuli dengan gagasan kerjasama ekonomi *Segi Tiga* Kedah-Perlis-Selatan Thailand dan Sumatera Utara serta projek kerjasama ekonomi tiga segi antara Sabah, Brunei, Mindanao dan Kalimantan.

Semuanya ini menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain bahawa kerjasama antara jiran boleh membantu meningkatkan ekonomi dan tahap hidup rakyat.

Walaupun Dr Mahathir mengajukan konsep *Pandang ke Timur* dia tidak sekali-kali mengabaikan hubungannya dengan negara-negara Barat dan cukup menyedari kemajuan Barat di bidang teknologi.

Dr Mahathir dapat memisahkan kepentingan politik dengan kepentingan ekonomi dan dagang.

Dr Mahathir mengecam dasar-dasar politik negara-negara Barat tetapi beliau tidak sekali-kali mencemuhkan kemajuan Barat di bidang teknologi.

Sedapat mungkin Dr Mahathir berusaha mendapatkan pakar Barat untuk pembangunan industri negaranya.

Umpamanya dalam bidang pembuatan kapal-kapal terbang kecil, Dr Mahathir tidak keberatan bekerjasama dengan sebuah syarikat Australia untuk membantu kita membangun industri kapal terbang.



Dr Mahathir tidak keberatan meminjam kepakaran teknologi pembuatan motokar dengan syarikat *Citroen*, Perancis untuk memperkembang dan memperluas industri pembuatan kereta kita.

Hakikatnya Malaysia amat terbuka dalam sikapnya terhadap kepakaran teknologi Barat.

Proton Saga kini menjalin hubungan kerjasama dengan Filipina.

Dengan lain kata kita mengeksport kepakaran kita pula ke negara tetangga.

Rakan kongsi kita, Syarikat *Mitsubishi* pula agak lambat memindahkan kepakaran teknologi kepada syarikat pembuatan kereta kita.

Kita tidak teragak-agak mencari teman kongsi yang lain.

Dasar penswastaaan Malaysia menjadi contoh kepada negara-negara membangun yang lain.

Dari sejak awal lagi dasar penswastaaan kita diutamakan oleh Dr Mahathir kerana keyakinannya bahawa pihak swasta harus diberikan peranan yang utama sebagai jentera ekonomi negara.

Dengan itu maka bermulalah dasar liberalisasi ekonomi yang memungkinkan negara mendapat teman kongsi yang gagah untuk membangun ekonomi kita.

Dasar penswastaaan merupakan kunci dari kejayaan pembangunan ekonomi negara.

Konsep *Malaysia Incorporated* mengutarakan kerjasama yang erat antara pihak swasta dengan kerajaan demi mencapai tujuan-tujuan bersama iaitu meningkatkan ekonomi negara.

Dasar penswastaan juga meringankan beban kerajaan dan meningkatkan produktiviti serta kecekapan perkhidmatan awam.

Ketika Dr Mahathir mula-mula memegang kepimpinan negara dunia dilanda kemerosotan ekonomi dan kesan itu dirasakan di negara kita.

Tetapi hasil dari dasar-dasar ekonomi yang berkesan maka kemerosotan itu dapat ditampung dan akhirnya dapat diatasi.

Dalam masa inilah kepimpinan Dr Mahathir baik dalam parti dan dalam kerajaan menghadapi cabaran yang getir.

Dalam menghadapi cabaran-cabaran inilah Dr Mahathir memperlihatkan mutu atau kualiti kepimpinannya yang unggul.

Dr Mahathir memperlihatkan kepimpinan yang luar biasa.

Beliau tidak sahaja merupakan seorang pemikir ulung tetapi juga seorang yang unggul sebagai *political strategist*.

Setengah-tengah pemerhati berkata bahawa Dr Mahathir biasanya memperlihatkan keunggulannya sebagai pemimpin bila beliau berhadapan dengan tekanan dan cabaran yang kuat dari lawannya.

Dr Mahathir tidak mudah beralah kepada tekanan.

Dr Mahathir tidak gentar menghadapi masalah walau betapa besar dan rumit sekalipun masalah itu.

Ciri dari kepimpinannya itu terbukti dalam masa parti menghadapi krisis dalaman yang tenat bila kepimpinannya digugat oleh Tengku Razaleigh Hamzah dan golongan-golongan lain dalam parti.

Kaedah Dr Mahathir mengatasi krisis itu menunjukkan

bahawa beliau adalah seorang pemain catur yang sangat licin dan pintar.

Partinya, UMNO diharamkan tiba-tiba oleh mahkamah tinggi.

Kepada seorang pemimpin yang tidak bersemangat waja keadaan yang begitu sulit boleh melemahkan dan mematahkan semangat juang.

Tetapi Dr Mahathir menghadapi cabaran itu dengan gigih dan bijaksana sekali hingga akhirnya berjaya mengatasi krisis itu.

Begitu juga dalam krisis-krisis lain yang dihadapi oleh Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri.

Krisis dalaman kepimpinan UMNO pada peringkat awal Dr Mahathir menjadi Presiden adalah berpunca dari salah faham terhadap dasar-dasarnya.

Chamil Wariya dalam bukunya *UMNO Era Mahathir* mengatakan bahawa ada di antara penyokong Dr Mahathir yang memahami tindakan-tindakan beliau tetapi “tidak berkongsi segala cita-cita besar beliau itu.”

Chamil menambah: “Secara terbuka mereka tidak menandatangani tentangan terhadap program besar Dr Mahathir terutama bagi penyokong yang berada dalam kabinet kerana mereka tertakluk dengan prinsip tanggungjawab bersama dan Akta Rahsia Rasmi tetapi secara tidak langsung pendirian mereka dinyatakan melalui ucapan-ucapan yang tidak memperlihatkan keghairahan untuk bercakap mengenai industri berat kereta *Proton Saga*, *Dasar Pandang ke Timur*, Pensyarikatan Malaysia dan dasar penswastaan.

Tatkala Dr Mahathir bercakap itu semua ada di antara

penyokong beliau bercakap tentang industri ringan, dasar kebajikan dan sebagainya. Apabila ditanya mengapa mereka bersikap demikian, mereka menyatakan bahawa tujuannya ialah untuk saling melengkapi dasar-dasar lain yang mungkin tidak disentuh oleh Dr Mahathir.”

Chamil menyambung: “Akan tetapi sebab sebenarnya ialah mereka tidak mempercayai program-program Dr Mahathir yang dianggap tidak menguntungkan Malaysia. Malah secara bisik-bisik ada yang berkata:- Adalah lebih baik untuk negara ini mengeksport pohon-pohon hijau ke Asia Barat daripada kereta *Proton Saga* yang belum tentu mendapat pasaran.

Pandangan anggota kabinet yang tidak setuju dengan program industri berat Dr Mahathir ini jelas kelihatan apabila dia ditentang oleh mereka di dalam team B. Tengku Razaleigh Hamzah serta beberapa orang menteri kabinet yang lain telah menimbulkan kemungkar politik dan ekonomi Dr Mahathir”.

Dr Mahathir begitu tegas mengkritik dasar-dasar kuasa besar mengenai perkembangan-perkembangan di dunia juga dasar-dasar kuasa besar di bidang ekonomi dan perdagangan, dasar-dasar kuasa besar menghubungkan kaitkan bantuan ekonomi dan kewangan kepada negara-negara membangun dengan isu-isu hak kebebasan manusia, dasar kuasa-kuasa besar mendirikan benteng-benteng melindungi pasaran mereka dari ditembus oleh barang-barang buatan dari negara-negara membangun dan sebagainya menimbulkan rasa was-was dan bimbang di kalangan pemimpin-pemimpin parti sendiri.

Mereka bimbang ketegasan Dr Mahathir terhadap dasar-dasar diskriminasi dan talam dua muka dari kuasa-kuasa besar

akan menjejaskan kepentingan Malaysia.

Belum pernah seorang Perdana Menteri negara ini bersikap tegas mengkritik dasar-dasar kuasa besar yang tidak adil, yang berat sebelah dan yang bermaksud sebenarnya untuk mempertahankan dasar neo-kolonialisma mereka.

Dr Mahathir secara terus terang membuka kedok dasar-dasar kuasa besar itu.

Dr Mahathir secara terbuka dan lantang menyuarakan ke-sangsian dan keraguan negara-negara membangun terhadap kejujuran kuasa-kuasa Barat untuk mewujudkan suatu *Order Baru* di dunia.

Kepada Dr Mahathir gagasan *Order Baru* Amerika itu sebenarnya merupakan topeng untuk mengekalkan dan melanjutkan dominasi politik, ekonomi, budaya dan sosial kuasa-kuasa Barat ke atas negara-negara membangun.

Kita ambil satu contoh kritikan Dr Mahathir terhadap dasar kuasa-kuasa Barat dan pertubuhan-pertubuhan hak kemanusiaan Barat dalam soal kaum pekerja.

Bagi Dr Mahathir pembelaan pemimpin-pemimpin hak kemanusiaan dan gerakan kaum pekerja di Barat yang menuntut kaum pekerja di negara-negara membangun diberikan gaji yang setimpal dengan tenaga kerja mereka adalah sebenarnya satu helah yang licin untuk mempertahankan kepentingan negara-negara Barat.

Dengan menuntut kenaikan gaji dan soal-soal lain yang menyentuh pendapatan kaum pekerja di negara-negara membangun maka pemimpin-pemimpin pekerja di Barat bertujuan supaya barang-barang buatan dari negara-negara memba-

ngun yang dipasarkan di Barat akan bertambah mahal.

Dengan itu barang-barang buatan dari negara-negara membangun tidak boleh bersaing kerana mahalunya barang-barang itu.

Dr Mahathir menyifatkan pembelaan kuasa-kuasa Barat konon terhadap hak kebebasan rakyat negara-negara membangun sebenarnya mempunyai motif yang jahat.

Tujuan kuasa-kuasa Barat sebenarnya ialah untuk mengganggu kestabilan politik di negara-negara membangun yang sedang pesat memajukan ekonomi masing-masing.

Kuasa-kuasa Barat menyedari bahawa kestabilan politik itulah yang menjadi asas yang memungkinkan negara-negara membangun memajukan prestasi ekonomi mereka, sedangkan negara-negara Barat mengalami krisis ekonomi yang serius terutama sekali di Amerika, di United Kingdom dan di Eropah Barat.

Kadar pengangguran mereka terus meninggi sedangkan di negara-negara membangun seperti Malaysia, Singapura, Taiwan dan Hong Kong kadar pengangguran begitu kecil sekali.

Tetapi era Dr Mahathir mulai memegang pimpinan ketika negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Ini menimbulkan masalah yang seumpamanya belum pernah dihadapi oleh Perdana Menteri di masa lalu. Khususnya banyak pengangguran terutama di kalangan siswazah. Jumlah siswazah yang menganggur pada tahun 1987 itu ditaksir kira-kira 35,000 orang.

Paling teruk ialah siswazah-siswazah Bumiputera kerana mereka bergantung kepada sektor awam untuk mendapatkan

pekerjaan.

Maka mulailah kepimpinan Dr Mahathir terugat oleh golongan-golongan yang menganggap bahawa beliau lebih mementingkan rancangan-rancangan ekonominya.

Mereka mengkritik beberapa projek yang diilhamkan oleh Dr Mahathir sebagai membazir dan tidak praktikal.

Dalam masa Mahathir menghadapi krisis dalaman partinya, semakin nyaring kritikan-kritikan ini dan bersifat peribadi pula.

Cemuhan-cemuhan ini datang dari golongan-golongan yang menentanginya dalam parti. Setengahnya mengatakan bahawa beliau tidak cekap menangani masalah-masalah ekonomi dalam negara.

Dasar Dr Mahathir yang kritis terhadap kuasa-kuasa besar dikatakan merugikan kepentingan negara.

Kononnya sikap Mahathir yang anti kuasa-kuasa Barat membuatkan Malaysia tercicir dan tersisih dari masyarakat dunia.

Apa lagi kritikan-kritikan itu juga bergema dalam media Barat yang memang tidak menyenangi dasar-dasar Dr Mahathir.

Dari dalam kalangan-kalangan parti sendiri timbul kritikan-kritikan dan kecaman-kecaman bahawa Dr Mahathir memeralatkan parti untuk kepentingannya sendiri, bahawa beliau seorang diktator yang tidak sedia menerima teguran dan fikiran dari anggota-anggota kabinetnya sendiri, dan dari anggota-anggota Majlis Tertinggi UMNO.

Pihak lawan-lawannya menonjolkan diri mereka sebagai pemimpin-pemimpin yang berfahaman liberal yang lebih cenderung dan komited untuk mewujudkan suatu suasana dan

sekitaran politik yang lebih bebas dan demokratis daripada Dr Mahathir.

Kepimpinan Dr Mahathir pada ketika itu seolah-olah seperti tersisih dan terpencil dari pendapat umum dan tanggapan sebahagian besar masyarakat.

Chamil Wariya dalam bukunya *UMNO Era Mahathir* berkata mengenai keadaan pada masa itu: "Selain daripada kemelesetan ada kalangan melihat bahawa cita-cita besar Dr Mahathir untuk negara turut menjadi mangsa kerana dalam meneruskan cita-cita itu beliau tidak mendapat sokongan dari orang-orang yang telah menyokong beliau.

Ada di antara mereka mengatakan bahawa Dr Mahathir telah bergerak terlalu laju dan mereka tidak memahami apa yang cuba dibuat oleh Dr Mahathir.

Ada juga yang membuat tafsiran yang silap tentang apa yang sebenarnya dikehendaki oleh Dr Mahathir.

Sebab itu mereka tidak dapat menerangkan idea Dr Mahathir kepada rakyat dengan cara yang meyakinkan mengenai dasar industri berat, *Dasar Pandang ke Timur* dan sebagainya.

Ini jelas jika diteliti dalam ucapan sebilangan menteri beliau, apa yang dikehendakinya tidak timbul.

Keadaan ini pula memaksa Dr Mahathir mengelilingi negara untuk menerangkan apa yang beliau mahu.

Keadaan ini membuat seorang pemerhati mengatakan bahawa Dr Mahathir dan sebilangan penyokong beliau sebenarnya hanya tidur sebentar tetapi mempunyai mimpi lain-lain."

Rakyat negara ini pada hakikatnya belum pernah dipimpin

oleh seorang Perdana Menteri yang idea-ideanya, pemikirannya dan visinya begitu *radical* seperti Dr Mahathir.

Pemikiran-pemikiran dan idea-idea Dr Mahathir merupakan satu kejutan kepada banyak orang. Sikapnya dan pendiriannya yang tegas mengancam kuasa-kuasa besar membimbangkan setengah-tengah kalangan dalam partinya sendiri. "Ke mana Dr Mahathir hendak membawa kita?" mereka bertanya.

Apakah untungnya Malaysia menentang kuasa-kuasa besar?

Rakyat Malaysia sudah biasa dengan pemimpin-pemimpin mereka yang selamanya memberikan pujian kepada kuasa-kuasa besar, terutama sekali kepada British.

Mereka terkejut bila Dr Mahathir umpamanya tiba-tiba mengumumkan dasar '*Buy British Last*' atau membeli barang-barang British kalau tidak ada barang-barang buatan dari negara-negara lain.

Sedangkan Dr Mahathir mempunyai alasan-alasan yang kuat mengapa beliau mencetuskan idea itu.

Sebabnya ialah Dr Mahathir tidak senang dengan dasar kerajaan British menaikkan bayaran ke atas pelajar-pelajar Malaysia yang menuntut di pusat-pusat pengajian tinggi di Britain.

Kebanyakan orang malah pemimpin UMNO tidak biasa dengan ketegasan seperti ini dari pemimpin-pemimpin sebelum Dr Mahathir.

Tetapi di sebalik ketegasan itu sebenarnya Dr Mahathir bertekad untuk meletakkan asas yang baru dalam perhubungan kita dengan kerajaan British.



Malaysia merupakan sebuah negara merdeka dan berdaulat. Kerana itu kerajaan British tidak wajar melayani kita seolah-olah negara kita masih menjadi jajahan takluknya.

Dengan lain kata Dr Mahathir bermaksud mempertahankan harga diri dan maruah kita sebagai satu bangsa yang berdaulat dan merdeka.

Kita dapat melihat contoh sikap Dr Mahathir ini beberapa tahun kemudiannya bila kerajaan Malaysia mengumumkan tidak akan melayani tender yang dikemukakan oleh syarikat British berikutan kempen fitnah serta memburukkan kerajaan dan pemimpin-pemimpin Malaysia dalam akhbar *Sunday Times* kepunyaan Robert Muldoch.

Selamanya Dr Mahathir tidak pernah memberi 'muka' kepada media asing.

Pendiriannya terhadap media asing ialah mereka mempunyai prasangka terhadap Malaysia kerana iri hati dan cemburu kepada kejayaan dan prestasi negara kita dalam bidang politik dan ekonomi.

Selain dari itu media asing sedaya upaya menggunakan tiap kesempatan untuk memburuk-buruk Malaysia dan pemimpinnya.

Oleh media asing pemimpin-pemimpin Malaysia dianggap sebagai korup belaka.

Dalam masa Dr Mahathir menghadapi krisis dalaman yang serius dengan lawan-lawan politiknya dalam parti media asing secara terang dan terbuka menyokong pendirian lawan-lawan beliau.

